

Tarik balik unit **PPR, PA DBKL**

Yayasan Wilayah Persekutuan ambil tindakan atas kegagalan pembeli buat bayaran bulanan



HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kegagalan pembeli Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan pembayaran bulanan ditetapkan Yayasan Wilayah Persekutuan, menyebabkan sejumlah 137 unit terlibat ditarik semula penjualannya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Roslan Hassan, berkata, jumlah itu bagaimanapun hanya sebahagian kecil berbanding lebih 5,000 unit lain yang selesai dan masih me-

manfaatkan Skim Pembelian Rumah PPR dan PA DBKL kini masuk ke fasa tiga perlaksanaannya.

Menurutnya, pembeli berdepan masalah menyebabkan berlaku tunggakan bayaran, akhirnya mereka tidak mampu membuat bayaran hingga memaksa penarikan balik unit tersebut.

"Penghuni terlibat sepatutnya kosongkan unit namun atas keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, mereka masih dibenar kekal menyewa semula dengan DBKL apabila kesemua 137 unit rumah tersebut dibeli semula DBKL.

"Masih terdapat beberapa kes lain dalam perhatian namun pihak yayasan mengambil tanggungjawab menguruskannya untuk memastikan pembeli dapat terus memanfaatkan skim ini dengan membantu menyelaraskan semula bayaran.

"Ada antara mereka yang mempunyai masalah disebabkan putus pendapatan sementara dan sebagainya. Jadi mereka ini kita lihat masih boleh diselamatkan dan dibantu. Jadi kepada pembeli berkenaan, jangan tunggu tunggakan menjadi beban. Datang dan bincang dengan kami," katanya.

Dalam pada itu, Roslan berkata, sehingga kini, sejumlah



● Pembeli yang mempunyai tunggakan, diminta

berbincang dengan pihak yayasan

5,561 pembeli memanfaatkan skim berkenaan dengan 147 pembeli telah selesai membuat pembayaran meliputi fasa satu dan dua sejak tahun 2014.

"Jumlah itu meliputi kutipan bayaran balik berjumlah RM48.8 juta dan fasa tiga juga akan dimulakan tidak lama lagi. Skim ini akan diteruskan selagi ada tawaran jualan daripada DBKL," katanya.